

**GARIS PANDUAN BAGI MENIMBANG  
KELAYAKAN CALON-CALON UNTUK  
PENGURNIAAN DARJAH KEBESARAN, BINTANG  
DAN PINGAT PERSEKUTUAN**

**1. PENDAHULUAN**

Darjah-Darjah Kebesaran, Bintang-Bintang dan Pingat-pingat Persekutuan yang biasa dianugerahkan kepada mereka yang berbakti dan memberi perkhidmatan cemerlang kepada Negara bersesuaian dengan taraf kedudukan mereka adalah daripada kumpulan atau jenis seperti di bawah:

**a. Darjah Yang Mulia Pangkuhan Negara**

Pangkat Pertama ..	Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)
Pangkat Kedua ..	Panglima Mangku Negara (P.M.N.)
Pangkat Ketiga ..	Johan Mangku Negara (J.M.N.)
Pangkat Keempat ..	Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)
Pangkat Kelima ..	Ahli Mangku Negara (A.M.N.)
Pangkat Keenam ..	Pingat Pangkuhan Negara (P.P.N.)

**b. Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia**

Pangkat Pertama ..	Seri Setia Mahkota (S.S.M.)
Pangkat Kedua ..	Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)
Pangkat Ketiga ..	Johan Setia Mahkota (J.S.M.)

**c. Darjah Yang Mulia Jasa Negara**

Pangkat Pertama ..	Panglima Jasa Negara (P.J.N.)
--------------------	-------------------------------

**d. Bintang/Pingat Gagah Perkasa dan Keberanian**

- (i) Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.)
- (ii) Panglima Gagah Berani (P.G.B.)
- (iii) Jasa Perkasa Persekutuan (J.P.P.)

- (iv) Pingat Tentera Udara (P.T.U.)
- (v) Kepujian Perutusan Keberanian (K.P.K.)

## 2. **KELAYAKAN**

Kelayakan seseorang untuk menerima sesuatu Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan dijelaskan secara ringkas seperti di perenggan-perenggan di bawah yang disusun mengikut kekananan:

### a. **Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.)**

- (i) Merupakan Bintang Perkasa yang tertinggi sekali dan paling kanan dalam senarai keutamaan Darjah Kebesaran Bintang Dan Pingat Persekutuan. Ianya dikurniakan kepada sesiapa juga yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau telah melakukan sesuatu dengan gagah berani dan penuh pengorbanan.
- (ii) Anugerah ini boleh dikurniakan kepada seseorang walaupun telah meninggal dunia (*posthumous award*).

### b. **Seri Maharaja Mangku Negara (S.M.N.)**

- (i) Darjah Pangkat Pertama kepada Darjah Yang Mulia Pangkuhan Negara dan dikurniakan kepada mereka yang telah berbuat jasa yang cemerlang kepada negara selama beberapa waktu dengan penuh tanggungjawab. Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang mempunyai kedudukan yang tinggi serta berpengaruh.
- (ii) Pengurniaan Darjah ini membawa gelaran 'TUN'. Gelaran 'TUN' bagi darjah ini merupakan yang paling kanan sekali dalam susunan kekananan.

### c. **Seri Setia Mahkota (S.S.M.)**

- (i) Darjah Pangkat Pertama kepada Darjah Yang Mulia Setia Mahkota Malaysia dan dikurniakan kepada mereka yang telah banyak berbuat jasa yang cemerlang kepada Negara dengan penuh tanggungjawab dan berpengaruh serta bertaraf tinggi kedudukannya.
- (ii) Pengurniaan Darjah ini membawa gelaran 'TUN' yang kedua kanan mangikut susunan kekananan.

d. **Panglima Mangku Negara (P.M.N.)**

- (i) Darjah Pangkat Kedua kepada Darjah Yang Mulia Pangkuan Negara dan dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukannya serta terkenal kerana perkhidmatan cemerlang mereka kepada Negara dalam apa jua lapangan. Pengumianan Darjah ini membawa Gelaran 'TAN SRI'. Gelaran 'TAN SRI' bagi darjah ini merupakan yang paling kanan sekali.
- (ii) Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan, darjah ini sesuai bagi mereka di dalam Gred Utama atau setaraf dengannya.

e. **Panglima Setia Mahkota (P.S.M.)**

- (i) Darjah Pangkat Kedua kepada Darjah Yang Mulia Setia Mahkota dan dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlang kepada Negara dalam apa jua lapangan.
- (ii) Pengumianan darjah ini membawa gelaran 'TAN SRI' yang kedua kanan.
- (iii) Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan, darjah ini sesuai bagi mereka di dalam Gred Utama Turus I, II dan III atau setaraf dengannya.

f. **Panglima Jasa Negara (P.J.N.)**

- (i) Darjah pangkat Pertama kepada Darjah Yang Mulia Jasa Negara dan dikurniakan kepada mereka yang mempunyai taraf kedudukan yang tinggi serta terkenal kerana khidmat cemerlang kepada Negara dalam apa jua lapangan. Pengurniaan Darjah ini membawa gelaran 'DATUK'.
- (ii) Bagi Pegawai-pegawai Kerajaan, Darjah ini sesuai bagi anggota di dalam Gred Utama Turus III dan Gred Utama A dan B atau setaraf dengannya.

g. **Johan Mangku Negara (J.M.N.)**

- (i) Drajah ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada negara.
- (ii) Bagi Pegawai Kerajaan, darjah ini adalah sesuai bagi anggota di dalam Gred Utama 'A' dan 'B' atau setaraf dengannya.

h. **Johan Setia Mahkota (J.S.M.)**

- (i) Darjah ini dikurniakan kepada mereka yang tinggi taraf kedudukan dan telah membuat jasa cemerlang kepada Negara.
- (ii) Bagi Pegawai Kerajaan, darjah ini adalah sesuai bagi anggota di dalam Gred Utama 'C' atau setaraf dengannya.

i. **Kesatria Mangku Negara (K.M.N.)**

- (i) Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah berjasa tinggi kepada Negara dalam apa jua lapangan.
- (ii) Bagi Pegawai Kerajaan, Bintang ini adalah sesuai bagi anggota di dalam Gred 1 atau setaraf dengannya.

j. **Ahli Mangku Negara (A.M.N.)**

- (i) Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah memberi jasa-jasa bakti seperti berikut:
  - (a) Telah menunjukkan jasa yang lebih daripada biasa.
  - (b) Telah memberi perkhidmatan yang tinggi mutunya.
  - (c) Telah menjalankan tugas-tugas yang bahaya dan sukar dengan cemerlang sekali.
  - (d) Telah menjalankan tugas-tugas berlebihan daripada tugas-tugasnya.
- (ii) Bagi Pegawai Kerajaan Bintang ini adalah sesuai bagi anggota-anggota berikut:
  - (a) Anggota di dalam Gred II dan Gred III atau setaraf dengannya.
  - (b) Dalam keadaan yang istimewa dan luar biasa, anggota di dalam Kumpulan Sokongan boleh juga dikurniakan.

k. **Pingat Pangkuan Negara (P.P.N.)**

- (i) Pingat ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kecemerlangan dan kesetiaan terhadap perkhidmatan dan Negara dalam apa juga lapangan.
- (ii) Kumiaan ini sesuai bagi pegawai kerajaan di dalam Kumpulan Sokongan dan ke bawah atau setaraf dengannya.

l. **Panglima Gagah Berani (P.G.B.)**

Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian yang luar biasa sewaktu menghadapi musuh. Pingat ini boleh dikurniakan kepada mereka yang telah meninggal dunia (*posthumous award*).

m. **Jasa Perkasa Persekutuan (J.P.P.)**

Bintang ini dikurniakan kepada mereka yang telah menunjukkan kegagahan dan keberanian luar biasa yang tidak berdepan dengan musuh. Pingat ini boleh dikurniakan walaupun seseorang itu telah meninggal dunia (*posthumous award*).

n. **Pingat Tentera Udara (P.T.U.)**

Pingat ini dikurniakan kerana keperwiraan, keberanian atau taat setia yang teristimewa dalam menjalankan kewajipan yang ditunjukkan oleh anggota-anggota Angkatan Tentera semasa menjalankan kewajipan penerbangan dalam masa gerakan atau bukan gerakan dalam Tentera Udara Diraja Malaysia. Pingat ini boleh dikurniakan walaupun seseorang itu telah meninggal dunia (*posthumous award*).

o. **Kepujian Perutusan Keberanian (K.P.K.)**

Dikurniakan kepada anggota Angkatan Bersenjata dan Pasukan Polis yang telah menunjukkan atau telah melakukan sesuatu yang dianggap gagah dan berani yang patut diiktiraf, akan tetapi taraf keberanian tidaklah sebegini tinggi untuk dikurniakan sesuatu Pingat. Lambang ini boleh dikurniakan walupun seseorang itu telah meninggal dunia (*posthumous award*).